

Topik 5 ► Masa Depan dan Cabaran Bahasa Melayu

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir topik ini, anda seharusnya dapat:

1. Mengeneralisasikan konsep kedwibahasaan;
2. Menghuraikan bahasa Melayu dan dasar pendidikan negara;
3. Menggariskan hubungan bahasa Melayu dan teknologi maklumat; dan
4. Menganalisis bahasa Melayu era globalisasi.

► PENGENALAN

Bahasa Melayu sebagai pengantar ilmu mula-mula disarankan dalam *Laporan Razak 1956* dan kemudian diperkukuh dalam *Laporan Abdul Rahman Talib 1960*. Terbukti kini bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu apabila digunakan sepenuhnya di institut pengajian tinggi awam di Malaysia. Apakah dengan pencapaian tersebut mencerminkan masa depan yang gemilang bagi bahasa Melayu? Jawapannya mungkin ya atau mungkin tidak, bergantung kepada persepsi individu yang melihat persoalan ini. Terkadanganya kedengaran suara sumbang yang mengatakan bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu. Pada hakikatnya orang itu sendiri yang tidak mampu menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bukan sebaliknya. Bahasa yang canggih dikatakan bahasa ilmu, bahasa bagi budaya tinggi, dan lebih tegas lagi bahasa bagi sains dan teknologi. Peningkatan ilmu dan profesionalisme dalam sesuatu bidang itu haruslah seiring dengan peningkatan ketrampilan wahana itu sendiri, yakni bahasa. Banyak orang berfikir bahasa itu jatuhnya di tempat kedua dan

pertamanya ilmu itu. Persepsi ini perlu diubah. Bahasa itu juga satu ilmu dan sejarah membuktikan banyak ahli yang melahirkan pemikiran dan ciptaan baru menguasai ilmu dan bahasa sebagai satu entiti yang terpadu. Kita sebenarnya memiliki bahasa yang berkembang dan dinamis dalam menghadapi apa juga cabaran yang bakal datang. Seharusnya tidak timbul lagi krisis kepercayaan terhadap bahasa Melayu. Perbincangan topik ini akan menumpukan kepada persoalan cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu, iaitu: kewujudan masyarakat yang dwibahasa; bahasa Melayu dan Dasar Pendidikan Negara; bahasa Melayu dalam teknologi maklumat dan komunikasi; dan akhirnya bahasa Melayu dalam era globalisasi.

5.1 KEDWIBAHASAAN

Kedwibahasaan berlaku dalam kalangan masyarakat yang menggunakan banyak bahasa. **Kedwibahasaan atau bilingualisme ialah penguasaan dua bahasa seperti penutur bahasa asli.** Penggunaannya menggunakannya sebagai bahasa komunikasi, yakni menggunakan satu bahasa rasmi untuk berkomunikasi, dan bahasa ibunda untuk hubungan lain misalnya orang Cina dan India yang menggunakan bahasa Melayu untuk komunikasi rasmi tetapi bahasa ibunda di rumah. Kedwibahasaan yang sempurna ialah penguasaan sepenuhnya dua bahasa oleh penutur. Kedwibahasaan sepenuhnya jarang berlaku kerana jarang sekali seseorang individu dapat menguasai lebih dari satu bahasa dengan baik. Terdapat negara yang mempunyai dua bahasa atau lebih (*bilingual* atau *multilingual*) sebagai bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan. Negara Kanada dan Belgium misalnya mengamalkan bilingual, manakala Switzerland pula mengamalkan multilingual. Sesebuah negara itu tidak dapat dikatakan bilingual kecuali sebahagian besar daripada rakyatnya bertutur dalam dwibahasa. Menurut Mario Pei pula, kedwibahasaan ialah kualiti atau kebolehan seseorang bertutur dalam dua bahasa. Kedwibahasaan majmuk ialah individu yang memperoleh dua bahasa semasa kecil. **Kedwibahasaan kordinat pula berlaku apabila individu tersebut memperoleh salah satu bahasa tersebut sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua pula diperolehi kemudian.** Kedua-dua sistem tersebut disepadukan dan disimpan secara berasingan.

Kedwibahasaan lahir dalam masyarakat majmuk yang pelbagai budaya, etnik, agama, bangsa, kaum dan lain-lain. Hubungan budaya dengan budaya asing biasanya berlaku di bandar-bandar besar dan pusat perdagangan yang mempunyai pelbagai ragam manusia dan budaya. Penjajahan juga membawa masuk unsur budaya baru dan bangsa asing yang menggunakan dan memaksa rakyat pribumi menggunakan bahasa mereka dalam sistem pemerintahan, khususnya pendidikan dan ekonomi misalnya penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Hartmann (1976) mengatakan bahawa kedwibahasaan melibatkan penggunaan dua bahasa oleh penutur atau masyarakat pengguna bahasa. Penutur dwibahasa tidak semestinya penterjemah yang baik sebab kemahiran

menukar kod dari satu bahasa ke bahasa yang lain diperoleh secara berasingan dan individu tersebut mestilah mahir dalam perbualan kedua-dua bahasa dalam semua keadaan. Malaysia merupakan sebuah negara yang multibahasa dan terdapat individu yang dapat memahami dua bahasa atau lebih, sama ada Melayu-Inggeris, Cina-Melayu-Inggeris, atau India-Melayu-Inggeris, dan sebagainya. Individu yang berpengetahuan dalam kedua-dua bahasa tetapi yang satu lagi tidak pernah dilahirkan dalam bentuk ujaran atau tulisan, bahkan cuba disembunyikan atas sebab-sebab tertentu dinamakan *covert bilingual* atau dwibahasa terlindung. Individu dwibahasa tidak akan mempunyai pengetahuan kedua-dua bahasa yang sama baik. Kadang-kadang individu tersebut hanya memahami sahaja tetapi tidak boleh menulis atau bertutur dengan baik.

Kedwibahasaan wujud di negara-negara yang menjadikan dialek sebagai bahasa rasmi seperti di Perancis. Keadaan dwibahasa yang memperlihatkan penutur mengamalkan dialek masing-masing dalam kehidupan seharian tetapi menggunakan dialek utama yang telah dijadikan bahasa rasmi. Sama juga halnya dengan Malaysia yang menggunakan dialek Melayu-Johor sebagai bahasa rasmi tetapi menggunakan dialek masing-masing di rumah misalnya dialek Kelantan, Terengganu, Perak, Negeri Sembilan, Kedah dan sebagainya.

Kedwibahasaan berlaku akibat bahasa tempatan dijadikan bahasa rasmi tetapi bahasa lain digunakan sebagai bahasa penyatuan misalnya di Rusia, bahasa Rusia dijadikan bahasa penyatuan tetapi rakyat tempatan boleh menggunakan bahasa tempatan sebagai bahasa rasmi seperti bahasa Ukraine dan Estonia. Kedwibahasaan juga berlaku akibat berpegang kepada idea bahawa penggunaan satu bahasa asing yang dipupuk di samping bahasa ibunda terus digalakkan dalam pembelajaran untuk tujuan mendapat pengiktirafan setaraf dengan bangsa lain. Mengikut ideologi ini, pembelajaran satu bahasa asing dalam keadaan tertentu akan membentuk individu yang mempunyai cara pemikiran baru untuk menghapuskan permusuhan dalam kalangan rakyat misalnya di Singapura.

Perdagangan memainkan peranan utama apabila bahasa merupakan wahana untuk berkomunikasi dan berinteraksi untuk urusan jual-beli. Penerokaan dunia baru juga memerlukan individu memahami dunia yang dilawati untuk memahami budaya bangsa merentasi pelbagai negara. Pengembangan agama oleh mubaligh Kristian dan Islam membawa masuk bahasa asing ke alam Melayu, iaitu bahasa Inggeris, Belanda, Portugis, dan Arab. Dasar pendidikan sesebuah negara mencerminkan masyarakat yang lahir misalnya Malaysia yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam sistem pendidikan negara akan melahirkan penutur dwibahasa. Dasar bahasa negara juga melahirkan penutur dwibahasa. Malaysia telah menetapkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan tetapi menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua; manakala Brunei Darussalam menetapkan

bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Satu lagi unsur yang mewujudkan kedwibahasaan ialah perkahwinan campur dalam masyarakat majmuk yang melahirkan kanak-kanak yang berdwibahasa sejak dari lahir lagi. Pemerolehan dua bahasa serentak berlaku apabila kedua ibu dan bapa menggunakan kedua-dua bahasa ibunda mereka dalam kehidupan seharian.

Kesan yang paling ketara akibat kedwibahasaan ini ialah berlakunya penukaran kod atau pertukaran kod yang dikenali sebagai *code switching*. Berlakunya penukaran daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain disebabkan oleh perubahan tajuk atau pertukaran siapa yang disapa. Fenomena ini begitu meluas dalam kalangan penutur di Malaysia. Misalnya pelajar Melayu berbahasa Inggeris dengan kawan berbangsa Cina tetapi menukar kodnya semula ke dalam bahasa Melayu apabila bercakap dengan ibunya yang tidak fasih berbahasa Inggeris.

Kesan yang selanjutnya ialah percampuran kod atau *code mixing*. Ini berlaku apabila seseorang menukarkan kod apabila berbicara secara berganti-ganti untuk satu tajuk yang sama dalam ujaran mereka. Misalnya seorang pelajar bangsa Melayu bercakap dalam bahasa Inggeris untuk membincangkan sesuatu tajuk tetapi kemudiannya mencampuradukkan dengan bahasa Melayu kerana sesuatu hal seperti tidak tahu perbendaharaan kata yang sesuai digunakan atau sebagainya. Fenomena percampuran kod menggambarkan keadaan bahasa sebenar dalam tempoh pemerolehan bahasa kanak-kanak. Namun begitu, dengan berlakunya peredaran masa dan penambahan perbendaharaan kata, ciri ini mungkin luput apabila kanak-kanak berupaya menggunakan kata dalam bahasa kedua untuk menyampaikan maksud. Namun demikian, di Malaysia dengan latar pendidikan dwibahasa yang diamalkan di sekolah-sekolah dan luar persekitaran yang didedahkan dengan bahasa Inggeris seperti media elektronik, kanak-kanak telah didedahkan dalam situasi dwibahasa pada peringkat awal lagi. Malah, percampuran kod bukan sesuatu yang asing lagi dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini.

Pemindahan bahasa juga berlaku akibat kedwibahasaan. Ini berlaku apabila terdapat penggunaan unsur-unsur bahasa pertama dalam bahasa kedua. Terdapat dua jenis pemindahan bahasa, iaitu pemindahan negatif atau gangguan dan kedua, pemindahan positif. Pemindahan negatif melibatkan pola bahasa natif yang menyebabkan kesilapan dalam bahasa sasaran. Pemindahan positif pula melibatkan pemindahan yang memudahkan pembelajaran dan berlaku dalam kedua-dua bahasa natif dan bahasa sasaran yang mempunyai unsur persamaan.

Kita juga dapat melihat bentuk pengasimilasian bahasa berlaku dalam kedwibahasaan. Proses ini melibatkan penerimaan bahasa secara beransur-ansur oleh generasi kedua sehingga akhirnya tidak menggunakan bahasa ibunda

mereka. Kesan lain ialah kelahiran bahasa pijin dan bahasa kreol. Bahasa pijin memperlihatkan unsur kedua-dua bahasa bercampur sehingga melahirkan bahasa baru, namun tidak boleh diklasifikasikan sebagai bahasa asal. Bahasa kreol pula ialah bahasa pijin yang menjadi bahasa ibunda atau bahasa pertama masyarakat penuturnya akibat pertembungan dua bahasa.



SEMAK KENDIRI 5.1

Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kedwibahasaan dalam masyarakat penutur bahasa di Malaysia.

5.2 BAHASA MELAYU DAN DASAR PENDIDIKAN

Dasar bahasa pendidikan ialah dasar yang dipegang dalam menggunakan bahasa sebagai bahasa pengantar di sekolah. Dasar bahasa am ialah dasar yang secara tidak rasmi diterima oleh kerajaan mengenai penggunaan bahasa dalam perdagangan, perhubungan rakyat dan dalam hubungan dengan orang-orang luar, badan-badan atau negara-negara luar (Asmah,1985:23). Prinsip asas pembuatan keputusan masih berfokuskan kepada pembinaan bangsa. Apa-apa pun yang diputuskan di peringkat kerajaan, termasuklah bahasa, memberikan kesan kepada perkembangan pembinaan bangsa. Dalam hal ini, sekiranya tidak ada apa-apa polisi juga merupakan satu polisi kerajaan itu sendiri. Kerajaan haruslah memberikan perhatian kepada bahasa. Bahasa merupakan komponen yang penting dalam mendefinisikan identiti atau jati diri bangsa. Malah kita dapati banyak negara-negara bekas Kesatuan Soviet berusaha untuk mengekalkan bahasa ibunda mereka bagi menjaga kepentingan hak minoriti. Bahasa juga merupakan konsep yang penting bagi menjaga kepentingan masyarakat asli. Perjanjian Rom memberikan hak kepada orang-orang Eropah bertutur dalam bahasa ibunda dalam urusan seharian mereka.

Perancangan taraf bahasa Melayu telah memberikan tiga aspek penting kepada bahasa Melayu, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa pendidikan. Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan menyediakan ruang yang cukup luas untuk bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa ilmu. Sebagai bahasa ilmu, dua ciri penting yang perlu ada ialah keintelektualan dan kesempurnaan. Bahasa Melayu mempunyai kedua-dua ciri tersebut dan hakikatnya bahasa Melayu berada pada landasan yang tepat menuju kesempurnaan sebagai bahasa ilmu moden. Ini bersesuaian dengan ketetapan yang diisytiharkan oleh UNESCO berkaitan dengan

perancangan bahasa dalam dasar pendidikan masyarakat yang multi bahasa. Persidangan Antarabangsa UNESCO ke-31 pada Oktober 2001 telah mengisytiharkan satu deklarasasi prinsip yang harus dipatuhi oleh anggota-anggotanya, iaitu:

- (a) Menyokong pengajaran dalam bahasa ibunda sebagai kaedah untuk meningkatkan kualiti pendidikan dengan membina pengetahuan pelajar dan pengajar.
 - (i) Pengajaran dalam bahasa ibunda amat penting bagi pendidikan awal kanak-kanak dan seharusnya diperluaskan kepada peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Oleh itu, setiap kanak-kanak seharusnya memulakan pendidikan formal dalam bahasa ibunda dan keadaan buta huruf dalam kalangan orang dewasa juga harus dimulai dengan pengajaran dalam bahasa ibunda.
 - (ii) Celik huruf hanya dapat dicapai sekiranya ada bekalan bahan bacaan yang mencukupi bagi kanak-kanak dan juga orang dewasa. Oleh itu penghasilan dan penyebaran bahan pengajaran, sumber pembelajaran, dan bahan bacaan yang berkaitan seharusnya dihasilkan dalam bahasa ibunda.
 - (iii) Semua perancangan pendidikan seharusnya merangkumi latihan, iltizam yang tinggi, guru yang cekap dan kompeten serta biasa dengan kehidupan masyarakatnya sendiri agar dapat mengajar dengan baik dalam bahasa ibunda.
- (b) Menyokong pengajaran dalam dwibahasa atau multibahasa pada semua tahap pendidikan sebagai satu kaedah untuk meningkatkan kualiti sosial dan persamaan jantina dan unsur penting bagi masyarakat yang pelbagai linguistik.

Komunikasi, ekspresi dan **keupayaan** mendengar dan bertutur seharusnya ditingkatkan, pada awalnya mestilah dalam bahasa ibunda dan kemudian dalam bahasa kebangsaan dan selepas itu baharulah bahasa asing.
- (c) Menyokong bahasa sebagai komponen penting dalam pendidikan antara budaya dalam usaha untuk menggalakkan **pemahaman** antara kumpulan populasi yang pelbagai bangsa serta menghormati hak-hak fundamental.
 - (i) Hak mendapat pendidikan setiap anggota kumpulan minoriti sebagaimana juga hak bagi penduduk asli perlulah dihormati melalui pelaksanaan hak mendapat pendidikan dalam bahasa ibunda.
 - (ii) Pendidikan seharusnya melahirkan kesedaran tentang nilai positif kepelbagaian budaya dan linguistik.

Masalah kritikal yang dihadapi oleh negara multibangsa ini ialah konflik antara kesetiaan individu terhadap komuniti etniknya berbanding dengan kesetiaan

terhadap komuniti yang lebih besar. Persoalan inilah yang perlu difikirkan untuk memudahkan proses pembinaan bangsa. Masalah ini akan menjadi lebih serius sekiranya kumpulan etnik yang ada terus menerus menggunakan penggunaan bahasa yang pelbagai dan memperlihatkan kesetiaan mereka kepada tradisi linguistik mereka. Kepelbagaian linguistik ini pasti menyebabkan integrasi komunikasi yang rendah sehingga mengakibatkan pemodenan proses yang panjang dan menyulitkan.

Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara Malaysia telah dipertahankan dan diperkembang berdasarkan pelbagai akta dan laporan semula bermula dengan Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran (1961), Akta Bahasa Kebangsaan (1963), Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran (1979) dan Akta Pendidikan (1996). Jawatankuasa Pelajaran Razak merupakan jawatankuasa pendidikan pertama yang dibentuk sesudah negara mencapai taraf kerajaan sendiri pada tahun 1956. Gagasan pendidikan kebangsaan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut berteraskan matlamat perpaduan, dengan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Penyata Razak (1956: Perenggan 2 mengatakan bahawa "...usaha menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar (utama) walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan serta merta melainkan dengan beransur-ansur".

Perincian dan penegasan gagasan pendidikan kebangsaan itu dimantapkan oleh Jawatankuasa Penyemak Pelajaran Rahman Talib (1960). Oleh itu jelaslah bahawa selepas kemerdekaan, bahasa Melayu telah tumbuh dan berkembang dengan pesat seiring dengan pencapaian dalam pembangunan negara khususnya sektor pendidikan. Isunya ialah perubahan dalam dasar pendidikan negara jugalah yang nampaknya "melupakan" hasrat murni dalam Penyata Razak tersebut telah mencorakkan pemikiran masyarakat kita hari ini yang "terlebih sudu daripada kuah" dalam mengutamakan bahasa Inggeris. Laporan Razak mengatakan bahawa bahasa Inggeris ialah bahasa kedua yang wajib diajarkan di sekolah. Kini, permasalahannya ialah dasar tersebut nampaknya sudah mengalami perubahan apabila bahasa Inggeris bukanlah lagi bahasa kedua malah bahasa utama bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Perubahan ini melibatkan satu generasi yang bakal membina sebuah tamadun pada masa akan datang. Penerimaan dasar ini sering dipertikaikan dan memperlihatkan kesan langsung perubahan dasar ini untuk direnung bersama-sama oleh masyarakat umum, dan khususnya mereka yang terlibat dalam membuat keputusan dan yang melaksanakannya.

Akta Pendidikan (1996) digunakan untuk menentukan dasar, hala tuju dan garis panduan bagi mengawasi perkembangan pendidikan awam yang berfungsi

sebagai pelaburan sosial tetapi berbeza dalam pendidikan swasta dilihat sebagai pelaburan pendidikan. Hashim Musa (1996) mengatakan bahawa cabaran yang paling serius terhadap bahasa Melayu ialah penubuhan kolej swasta dan separuh swasta dan institusi pengajian tinggi awam yang semuanya bergerak ke arah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Dasar pendidikan negara seharusnya menekankan secara menyeluruh dan bersepadu terhadap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Walaupun Akta Pendidikan Tinggi Swasta (1996) mengatakan bahawa semua IPTS di negara ini hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tetapi ini bukan jaminan utuh bagi pemeraksanaan bahasa Melayu. Akta yang sama juga memberikan kuasa kepada Menteri Pendidikan Tinggi untuk membenarkan IPTS menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utamanya. Penyata Razak (1956) menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Cadangan untuk mengetepikan pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah swasta tidak harus diterima. Sistem pendidikan kebangsaan berhasrat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang multibahasa ke dalam satu kelompok melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan haruslah diteruskan. Lebih mencabar lagi apabila perbadanan gergasi seperti PETRONAS, Syarikat Telekom Bhd., dan Tenaga Nasional masing-masing menubuhkan Universiti PETRONAS, Universiti Multimedia Malaysia (MMU) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Kesemua universiti ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Sikap membelakangkan bahasa Melayu ini seolah-olah dimaafkan demi kepentingan negara agar berada sama taraf dengan negara-negara barat dalam era globalisasi. Kita tidak seharusnya meminggirkan bahasa Melayu dalam usaha memartabatkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dunia. Negara Jepun dan Cina masih lagi terkehadapan di Asia sebagai pusat pendidikan dunia walaupun bahasa utamanya ialah bahasa ibunda mereka.

Namun demikian, hasrat untuk mengukuhkan bahasa Melayu menghadapi cabaran yang paling getir apabila munculnya idea pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang telah dibentangkan dalam perjumpaan kabinet pada 17 April 2002. Ini diikuti pula dengan cadangan oleh Kementerian Pendidikan menyemak semula Kurikulum Baharu Bersepadu untuk memberikan ruang bagi pengajaran bahasa Inggeris dalam bidang Sains dan Matematik yang dilaksanakan bagi murid tahun satu, pelajar tingkatan satu dan pelajar tingkatan enam rendah pada tahun 2003. Alasan yang diberikan ialah pelajar masih tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik, walaupun telah diberikan peluang pembelajaran selama lebih kurang 11 tahun dalam alam persekolahan rendah dan menengah. Sekiranya bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah, maka ini dikira bercanggah dengan apa yang termaktub dalam Dasar Pendidikan Negara.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu pada 8 November 2006 telah membuat ketetapan meminta kerajaan supaya tidak menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah-sekolah demi mengembalikan kedudukan bahasa Melayu pada tempat yang sewajarnya, sebagaimana termaktub dalam Laporan Razak (1956). *Apa yang kurang diberikan perhatian ialah penguasaan bahasa Inggeris itu sendiri memang lemah dari segi penyediaan kurikulum, kemahiran pengajaran, dan pelaksanaan strategi **menyebabkan** kemerosotan yang begitu ketara dalam pelajar.* Namun begitu bahasa Melayu tidak perlu "dihukum" apabila menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar Sains dan Matematik yang telah berjaya ditangani dengan baik sekali selama ini dalam bahasa Melayu. Sistem pendidikan dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti telah berjaya melaksanakan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya menjelang 1983. Anjakan dasar pendidikan terhadap bahasa Melayu kelak akan merugikan bangsa Melayu sendiri. Apa yang perlu dilakukan ialah menjalankan kajian semula terhadap kaedah pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Pengalaman penulis sendiri apabila membuat kajian di sekolah di sekitar Petaling Jaya mendapati *bahasa penguasaan tulisan* pelajar dalam bahasa Inggeris begitu tinggi sekali. Masalah yang timbul ialah kemahiran komunikasi mereka dalam bahasa tersebut. Pokok persoalan inilah yang harus ditangani dengan **berhemat**. Kita mempunyai tokoh-tokoh akademik yang boleh menjalankan kajian ini dan menyarankan langkah-langkah yang berkesan mengatasi masalah ini, tanpa mengorbankan bahasa Melayu.

Awang Sariyan (2002) mengatakan bahawa pendekatan, kaedah dan prinsip mempelajari bahasa Inggeris perlu dipertingkat seperti memperbaiki kaedah pengajaran bahasa itu di institusi pendidikan yang ternyata tidak mencapai matlamatnya dan kegagalan sesuatu mata pelajaran tidak seharusnya membabitkan subjek lain. Kementerian Pendidikan perlu menambah kemudahan bahan bantu pengajaran bahasa Inggeris, termasuk penggunaan teknologi terkini, selain menyelia atau menambah serta memperbaiki kemudahan makmal bahasa. Pembudayaan sains dan teknologi dalam bahasa Melayu memerlukan keyakinan, iltizam dan usaha bersungguh-sungguh serta berterusan semua pihak. Bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa Jepun, bahasa Korea dan bahasa maju yang lain terbina dalam tempoh yang cukup lama; sebaliknya, bahasa Melayu telah berjaya dibangunkan sebagai bahasa sains dan teknologi serta mencapai kemajuan seperti sekarang ini dalam tempoh kira-kira 49 tahun sahaja.

Kita sedia maklum bahawa falsafah pendidikan negara dihasilkan dalam usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis, yang boleh mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian serta kemakmuran masyarakat dan negara. Dasar Pendidikan Negara mempunyai matlamat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum melalui satu sistem pendidikan yang menggunakan satu bahasa, iaitu bahasa Melayu. Oleh

itu dasar pendidikan negara seharusnya menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dengan lebih berkesan dalam kalangan pelajar. Keperluan ini bukan sahaja pada peringkat sekolah kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam tetapi juga perlulah diperluaskan ke peringkat sekolah swasta dan institusi pengajian tinggi swasta. Bahasa Melayu dapat dijadikan alat perpaduan kerana pelajar berinteraksi dengan mudah serta dapat berbincang menggunakan satu bahasa yang difahami oleh semua golongan bangsa. Mereka dapat menyampaikan pendapat dengan mudah dan keadaan ini akan mewujudkan sikap saling memahami dan melahirkan semangat perpaduan yang kukuh. Bahasa dan pendidikan merupakan dua unsur yang penting dalam pembangunan sesebuah negara. Peminggiran bahasa Melayu dalam dunia pendidikan seharusnya tidak berlaku kerana hal ini jelas sekali bertentangan dengan perlembagaan negara. Oleh itu, semua pihak yang berwajib dan rakyat Malaysia seharusnya berkerjasama bagi mengekalkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan di Malaysia.



AKTIVITI 5.1

Bincangkan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik dan kaitkan dengan Dasar Bahasa Negara.



SEMAK KENDIRI 5.2

- (a) Jelaskan konsep kedwibahasaan dalam konteks masyarakat penutur bahasa di Malaysia.
- (b) Bincangkan pelaksanaan dasar bahasa dalam falsafah pendidikan negara di Malaysia.

5.3 BAHASA MELAYU DALAM TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)

Apakah yang anda faham tentang istilah teknologi? Teknologi merupakan satu konsep yang luas dan mempunyai lebih daripada satu takrifan. Takrifan yang pertama ialah pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses untuk menyelesaikan masalah manusia. Istilah teknologi selalunya berkait rapat dengan rekaan dan aksesori menggunakan prinsip sains dan proses terkini. Namun, rekaan lama seperti tayar masih menunjukkan teknologi. Maksud yang kedua digunakan dalam bidang ekonomi, yakni teknologi dilihat sebagai tahap pengetahuan semasa dalam menggabungkan sumber bagi menghasilkan produk

yang dikehendaki. Oleh itu, teknologi akan berubah apabila pengetahuan teknikal kita berubah (Wikipedia, 2007).

Apakah hubungan teknologi dengan maklumat dan komunikasi? Teknologi Maklumat (*Information Technology*) atau IT dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*) atau ICT merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Ruang lingkup tajuknya sangat luas, iaitu berkenaan segala aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat. Secara tepat dan mudah dapat dikatakan sebagai penggunaan komputer dan perisian untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat dan mendapatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu (Wikipedia, 2007). Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) wujud berdasarkan perkembangan dan kemajuan pesat dalam bidang mikroelektronik yang menghasilkan kemudahan teknologi seperti komputer meja dan komputer riba, jaringan internet, emel, laman sesawang dan sebagainya. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang digunakan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) pada peringkat antarabangsa. Namun demikian, bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu juga mampu menggalas tanggungjawab penting untuk menyebarkan ilmu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kepada masyarakat di Malaysia.

Apakah pula hubungan bahasa dengan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK)? Bahasa merupakan alat untuk berhubung antara anggota masyarakat. Komunikasi ini dilakukan secara meluas, baik secara rasmi atau tidak rasmi. Masyarakat pada hari ini perlu menerima hakikat bahawa perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) berkait secara langsung dengan kemampuan menjana idea, kreativiti dan inovasi bagi memantapkan penggunaan bahasa Melayu. Strategi yang perlu dirancang ialah memperkukuhkan kekuatan bahasa secara dalaman yang telah terbina sekian lama. Masyarakat pengguna bahasa Melayu perlu bersikap terbuka dan bersedia menerima cabaran perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang dipengaruhi oleh bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris. Usaha untuk membentuk peristilahan bahasa Melayu dalam bidang ini perlu lebih progresif dan terbuka dengan menerima penyerapan masuk kata-kata asing bagi pengayaan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menempuh beberapa zaman yang mencabar dengan kedatangan unsur asing ke alam Melayu misalnya kedatangan **Portugis, Belanda dan Inggeris**. Evolusi bahasa Melayu turut berlaku secara perlahan-lahan. Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah mencorakkan bentuk masyarakat, struktur ekonominya dan persaingan sengit dalam pasaran antarabangsa. Kewujudan bahasa amat penting dalam konteks ini kerana bahasa merupakan sumber komunikasi yang penting. Bahasa Melayu perlu kukuh dan mantap untuk membolehkannya memperkatakan apa sahaja bidang yang begitu cepat muncul dan berkembang dalam kehidupan manusia.

Masyarakat berbahasa Melayu perlu mencari kaedah untuk membolehkan bahasa Melayu mempunyai nilai tambah dalam masyarakat yang kelihatannya jelas sekali mementingkan bahasa Inggeris. Perkembangan era globalisasi memberikan cabaran baru kepada bahasa Melayu. Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) melahirkan unsur baru yang dikenali sebagai bahasa rojak. ***Bahasa rojak semakin berkembang luas dalam kalangan pengguna bahasa.*** Ini dicirikan dengan penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Kelahiran K-Ekonomi pula telah membawa perubahan besar kepada semua bentuk perlakuan dan pemikiran manusia. Penggunaan bahasa Melayu dalam internet juga perlu dipertingkatkan agar seiring dengan penggunaan bahasa-bahasa utama lain di dunia. Penggunaan bahasa Melayu dalam ruang siber ini menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara khususnya ruang sembang siber yang memperlihatkan unsur bahasa yang unik dan tersendiri yakni bahasa Melayu internet. Muncul perkataan seperti *kang* (nanti), *a'kum* (assalamualaikum), *tipon* (telefon), *persal* (mengapa), *nko*(engkau) dan lain-lain. Fenomena ini merupakan unsur perubahan yang dikhuatiri akan mencemarkan nilai-nilai asli dalam bahasa Melayu. Ayat-ayat yang terbentuk juga tidak mematuhi hukum tatabahasa bahasa Melayu dan kelihatan janggal. Inilah yang perlu disedari oleh pengguna internet yang menggunakan bahasa Melayu sebagai wadah komunikasi agar tidak menggunakan bahasa Melayu sesuka hati tanpa mengambil kira soal peraturan yang sedia ada.

Keupayaan bahasa Melayu bertahan dalam era siber banyak bergantung kepada keupayaan masyarakat penutur bahasa Melayu itu sendiri menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Sikap masyarakat terhadap bahasa Melayu telah menyebabkan kesukaran untuk meletakkan bahasa Melayu di persada antarabangsa. Ketidak yakinan terhadap bahasa ibunda berkembang menjadi bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa dalam kalangan penutur bahasa Melayu mengakibatkan bahasa Melayu terus tercicir dalam persaingan dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Penutur bahasa Melayu lebih senang menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa rojak yang kini semakin menjadi ancaman terhadap kemurnian bahasa Melayu. Mereka menganggap bahasa Melayu tidak setanding dengan bahasa Inggeris dan akhirnya mula meminggirkan bahasa Melayu secara perlahan-lahan. Bahasa rojak dikatakan lebih santai dan tidak begitu formal, sama seperti penggunaan bahasa Melayu pasar. Justeru, penekanan terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul harus diutamakan khususnya dalam laman sesawang yang dikendalikan oleh anak Malaysia, walaupun menggunakan dwibahasa. Amalan berbahasa yang baik dan betul perlu dipupuk dan dibajai daripada peringkat sekolah lagi dan secara menyeluruh mencapai segenap anggota masyarakat. Hanya dengan cara ini sahajalah, bahasa Melayu akan mendapat tempat yang sewajarnya dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Kita menerima hakikat bahawa bidang teknologi maklumat dan komunikasi merupakan ilmu yang datang dari luar. Konsep yang didukung oleh bidang ini tidak ditemui dalam dunia Melayu. Namun begitu, ini tidak bermakna kita harus berkiblatkan Barat dalam menghasilkan istilah bidang ini. Bahasa Inggeris bukanlah satu-satunya bahasa bagi dunia siber, malah kini kita dapati bahasa Arab dan bahasa Mandarin mulai mendapat tempat dalam kalangan pengguna internet. Bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur yang cukup besar di dunia. Bak kata perumpamaan Melayu, “hendak seribu daya, tidak hendak seribu helah”. Laman sesawang yang dibina oleh badan kerajaan dan badan bukan kerajaan hendaklah menggunakan bahasa Melayu atau dwibahasa agar maklumat tersebar dalam bahasa Melayu selain daripada bahasa Inggeris. Sokongan yang berterusan daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu berterusan, di samping pembinaan pangkalan data yang bersesuaian bagi pengembangan bahasa Melayu. Dengan cara ini, bahasa ini mudah dicapai oleh pusat-pusat Pengajian Melayu di luar negara yang menggunakan bahasa Melayu.



AKTIVITI 5.2

Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan dalam usaha untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam teknologi maklumat dan komunikasi.

5.4 BAHASA MELAYU ERA GLOBALISASI

Istilah 'globalisasi' ialah satu istilah yang terlalu umum dan merangkumi berbagai-bagai perkara termasuk kesan-kesan ekonomi, budaya, teknologi, dan maklumat yang kini sudah mampu disebarkan ke seluruh pelusuk dunia dengan begitu cepat. Kata globalisasi diambil daripada kata 'global', yang bermakna universal. Oleh itu, globalisasi bermaksud universalisasi ideologi kapitalisme, atau menjadikan kapitalisme sebagai satu-satunya ideologi dalam peradaban dunia. UNESCO mendefinisikan globalisasi sebagai set struktur dan proses ekonomi, sosial, teknologi, politik, dan budaya terhasil daripada perubahan ciri-ciri dalam pengeluaran, penggunaan, dan perdagangan barangan serta aset yang merangkumi asas kepada ekonomi politik antarabangsa. Keith Porter melihat fenomena kehidupan manusia di seluruh dunia yang lebih mudah berhubungan antara satu sama lain, aliran maklumat, kewangan, barangan dan perkhidmatan, perjalanan antarabangsa serta komunikasi antarabangsa sudah menjadi perkara biasa sebagai globalisasi.

“Era Globalisasi” menjadi istilah yang terkenal untuk menerangkan keadaan semasa. Sama seperti istilah zaman kemelesetan, perang dingin, era angkasa

lepas dan gempakan abad 20 merupakan istilah yang menjelaskan konsep tempoh dalam sejarah manusia. Globalisasi menghuraikan suasana politik, ekonomi dan budaya hari ini. Setengah-setengah orang mengatakan bahawa globalisasi sinonim dengan perniagaan global tetapi sebenarnya istilah ini memberikan makna yang lebih daripada konsep perdagangan semata-mata. Kuasa yang sama juga yang telah membenarkan perdagangan dijalankan merentasi sempadan negara-negara seolah-olah sempadan itu tidak wujud; malah dalam kegiatan sosial, pertubuhan buruh, kewartawanan, golongan akademik dan banyak lagi bidang telah mencecah ke **perpantiaian global**.

Thomas Friedman dalam buku *The Lexus and the Olive Tree* (1999) menolak andaian Keith. Bagi beliau, globalisasi bukanlah satu fenomena. Konsep ini bukan satu tren atau aliran yang muncul dan kemudian berlalu begitu sahaja. Globalisasi merupakan sistem antarabangsa lampau litup (*overarching*) yang membentuk politik domestik dan hubungan luar tiap-tiap negara dan kita perlu memahami konsep ini sedemikian rupa. Sebagai warga dunia yang prihatin kepada peristiwa semasa, tugas kita ialah meneliti istilah 'globalisasi' ini dari banyak segi, mengupasnya, dan mencari jalan bagaimana hal ini bergerak dan kemudian kita haruslah memilih bahagiannya yang terbaik sahaja untuk dikembangkan. Namun begitu, pemilihannya tentulah subjektif bergantung kepada siapa dan untuk apa pilihan itu dibuat. Kita seharusnya melihat globalisasi bukan sesuatu untuk dipuja atau digeruni, sebaliknya menguruskan globalisasi sebaik mungkin untuk kebaikan semua pihak.

Globalisasi merupakan istilah yang dikaitkan dengan kajian ekonomi, sosiologi dan budaya merupakan barisan depan pembuatan banyak polisi di hemisfera Barat bagi tempoh dua abad yang lalu. Polisi terkini globalisasi tertumpu pula kepada neo-liberalisme, satu ideologi untuk menggalakkan kebebasan perdagangan, pasaran, hak pilihan individu dan pengurangan peraturan pemerintah (Steger:2002). Sebenarnya tidak ada satu istilah yang benar-benar tepat mendefinisikan globalisasi, walaupun negara-negara seperti Amerika dan United Kingdom cuba mendefinisikan istilah ini melalui perdebatan akademik dan wacana pidato umum. Para sarjana cuba memberikan huraian yang luas bagi istilah ini, iaitu "peningkatan hubungan global, melibatkan proses yang panjang dan kompleks, dipacu oleh pengaruh politik dan ekonomi dan juga aliran kapital, manusia, dan idea merentangi sempadan kebangsaan" (Steger:19).

Kesukaran sarjana untuk menentukan apakah yang dimaksudkan dengan globalisasi mungkin disebabkan istilah ini mendukung konsep dalam ekonomi, politik dan budaya. Evolusi dalam perdagangan antarabangsa dan institusi ekonomi seperti Kesatuan Eropah telah membawa kepada ketergantungan global antara negara-negara tersebut. Dari sudut pandangan ekonomi, globalisasi melibatkan hubungan pertukaran antara ekonomi nasional melalui perdagangan dan pelaburan langsung oleh firma multinasional. Hal ini juga berkaitan dengan mobiliti buruh,

keupayaan menghasilkan barangan yang baik menggunakan bahan mentah dan buruh murah dari Dunia Ketiga. Transaksi kewangan dilakukan secara transnasional, membenarkan mobiliti yang lebih besar kepada institusi kewangan dan meningkatkan peluang pelaburan global. Globalisasi ekonomi serta aliran kapital, wang dan teknologi merentasi sempadan, kerap kali mempersoalkan kawalan pemerintah ke atas dasar ekonomi. Ahli strategi perniagaan Jepun, iaitu Kenichi Ohmae berhujah bahawa semakin kurang relevan sempadan teritorial maka semakin kurang relevanlah peranan pemerintah dan akhirnya globalisasi politik menghasilkan “beberapa siri ekonomi wilayah” yang dihubungkan dengan siri prinsipal pasaran bebas (Steger:29).

Persoalan globalisasi sering membawa debat tentang kemungkinan globalisasi menyebabkan kehomogenan atau keheterogenan budaya atau diversifikasi yang lebih besar. Budaya global dibentuk oleh perbadanan media yang berkuasa menggunakan teknologi komunikasi terkini. Bunyi dan imej dipindahkan merentasi sempadan memberikan kesan terhadap cara berfikir masyarakat global. Budaya tidak lagi dihadkan kepada lokaliti tertentu dan budaya global akan sentiasa mencabar nilai yang sedia ada yang menghubungkan budaya dengan ketetapan setempat. Budaya global yang mengandungi nilai Anglo-Amerika inilah yang dipindahkan melalui barangan dan perkhidmatan serta gaya hidup yang berbeza dengan masyarakat setempat. Hal ini akan memberikan kesan dalam jangka masa panjang kepada keruntuhan budaya dan nilai sedia ada dan mengancam jangka hayat budaya setempat tersebut.

Budaya Amerika kemungkinan besar tersebar melalui dominasi ekonomi dunia pasaran antarabangsa. Antara persoalan keheterogenan dan kehomogenan budaya akibat globalisasi, lahirlah idea tentang budaya *niche* yakni pengwujudan dan pengekalannya budaya sedia ada di setengah-setengah tempat di dunia ini. Ahli sosiologi Roland Robertson mengatakan budaya setempat akan mengukuhkan kedudukannya dalam niche geografi yang kecil sebagai tindak balas terhadap globalisasi. Hal ini membawa kepada ‘glokalisasi’, iaitu interaksi kompleks global dan setempat, dicirikan dengan peminjaman budaya. Dalam konteks tulisan ini, globalisasi dapat dikatakan unsur dalam dunia ekonomi moden perdagangan bebas, pergerakan kapital bebas, pertumbuhan badan regulatori antarabangsa, dan pengembangan badan korporat multinasional yang bakal mempengaruhi suasana sosiobudaya, politik dan ekonomi negara kita. Dunia global merupakan satu jaringan saling bergantung pada jarak besar apabila pasaran mengikat manusia secara ekonomi dan kebergantungan *environmental*, politik, ketenteraan, budaya, dan sosial. Globalisasi ini akan memberikan kesan kepada governans domestik dan ini termasuklah perancangan dasar bahasa negara yakni perancangan bahasa Melayu.

Globalisasi sering dikaitkan dengan proses menjadikan dunia satu perkampungan sejagat yang berkembang pesat sejak akhir-akhir ini. Thomas

Friedman, dalam bukunya *The Lexus and The Olive Tree: Understanding Globalization* menganggap globalisasi sebagai 'Orde Baru Dunia' yang diwarwarkan oleh kuasa-kuasa Barat selepas tamatnya Perang Dingin dengan blok Komunis. Ramai mengaitkan globalisasi dengan ideologi neo-liberalisme yang kini menjadi pilihan begitu banyak kuasa-kuasa dunia. Ada pelbagai definisi mengenai gelombang persejagatan yang melanda dunia dewasa ini. Namun secara umumnya, bolehlah dikatakan bahawa globalisasi membawa maksud proses saling bergantung yang makin meningkat bagi seluruh dunia yang semakin kecil. Dunia semakin hari menjadi entiti yang 'satu'.

Dari segi bahasa pula, jelas sekali bahasa Inggeris muncul sebagai bahasa global. Apa yang menarik dalam hal ini ialah dalam usaha menobatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa global, muncul pula mitos tentang kekuatan bahasa Inggeris. Mitos pertama ialah apabila kehomogenan telah menguasai seluruh dunia, pengaruh budaya dan cita rasa Amerika akan menular segenap penjuru dunia kerana bahasa Inggeris dilihat sebagai bahasa ideologi Barat dan bahasa perdagangan. Satu lagi mitos ialah pembinaan bangsa sedang mengalami keruntuhan akibat globalisasi. Thomas Friedman, penulis ruangan pojok dalam *New York Times*, mengatakan bahawa kemunculan badan korporat global, aliran keluar wang yang melampau serta kelahiran institusi multilateral seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) merupakan unsur-unsur yang meruntuhkan pembinaan bangsa seolah-olah dunia ini sudah menjadi monobudaya dan monobahasa. Pun begitu mitos ini tidaklah boleh dipegang tanpa asas-asas yang kukuh.


Perbincangan mutakhir mengenai globalisasi sering berasaskan anggapan bahawa globalisasi merupakan fenomena yang baru dan belum pernah berlaku. Banyak yang melihatnya sebagai satu gelombang besar yang akan menghancurkan 'tembok-tembok' yang memisahkan umat manusia kepada negara, bangsa dan suku. Setengah-setengah aspek globalisasi dewasa ini seperti kepesatan dan pencapaian dalam sesuatu perkara misalnya teknologi komunikasi tidak pernah disaksikan dalam sejarah. Namun, jika globalisasi dilihat sebagai satu pertembungan atau pertemuan peradaban dan budaya, Asia Tenggara sudah melalui globalisasi selama berabad-abad lamanya. Sejarah membuktikan bahawa tidak ada masalah bagi masyarakat di rantau ini menyesuaikan diri walaupun apa yang berlaku itu berbeza dengan tradisi dan kepercayaan di rantau ini. Bangsa Melayu sendiri menerima pelbagai pengaruh luar seperti India, Cina, Belanda, Portugis, Arab dan Inggeris. Asimilasi berlaku secara perlahan-lahan dan masyarakat menerima perubahan ini secara beransur-ansur.

Walaupun dikatakan globalisasi meningkatkan kehomogenan tetapi sebenarnya globalisasi juga menyebabkan keadaan keheterogenan semakin meningkat. Dunia yang sudah bebas daripada persaingan kuasa-kuasa besar mulai mengenali keperluan saling bergantung antara satu dengan lain dan ini

melahirkan dunia aneka jenis. Dunia tanpa Perang Dingin antara kuasa-kuasa besar bermakna meningkatnya juga pusat kuasa bukan satu, malah lebih daripada satu. Boleh dikatakan tidak terdapat satu pusat kewangan atau pusat politik yang unggul di dunia ini. Malah dengan peningkatan dalam komunikasi dan teknologi bermakna tidak ada lagi unit yang terpusat dan dunia semakin difragmenkan serta individualistik. Misalnya industri pembuatan seluar jeans *Levi Strauss* dipasarkan secara komputer, syarikat Dell menggunakan sistem dalam talian untuk pemasaran, pasaran menawarkan lebih banyak pilihan dan menembusi seluruh pelusok dunia. Dari segi penyebaran maklumat, sekiranya anda berada di Jepun anda masih boleh membaca akhbar harian di Perancis, atau menonton perlawanan bola sepak di Eropah dan sebagainya. Teknologi membenarkan kewujudan komuniti maya atau virtual, satu lagi bentuk keanekaan jenis. Tegasnya di sini, terdapat banyak pilihan bagi pengguna.

Penggunaan internet juga memperlihatkan kemunculan bahasa lain selain daripada bahasa Inggeris. Global Reach (2001) mendapati 220 juta penutur jati bahasa Inggeris mempunyai hubungan langsung dengan internet dan jumlah ini akan meningkat dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, jumlah pengguna internet bukan berbahasa Inggeris juga telah meningkat lebih daripada 560 juta pada tahun 2003. Pun begitu perbincangan tentang peranan bahasa dalam globalisasi dan kesannya kurang diberikan perhatian. Hal ini mungkin kerana hakikat bahawa peratus besar penggunaan internet oleh elit berpendidikan Inggeris dan kebanyakan penulis serta pengulas tentang isu globalisasi berbahasa Inggeris, persoalan bahasa selain daripada bahasa Inggeris diketepikan. Secara linguistiknya, memang tidak dinafikan bahawa bahasa Inggeris sudah muncul sebagai bahasa *lingua franca* yang dituturkan untuk tujuan komunikasi merentangi pelbagai bidang. Bahasa Inggeris sebagai bahasa *lingua franca* juga merupakan bahasa pertuturan segmen elit tertentu di dunia ini, sebagai lambang prestij atau kedudukan dalam masyarakat tetapi kita harus ingat bahawa jumlah golongan ini tidak begitu besar dibandingkan dengan jumlah penduduk dunia ini.

POPULASI BAHASA DALAM TALIAN



Rajah 5.1: Populasi bahasa dalam talian.

Populasi penggunaan bahasa di internet dapat dilihat seperti di Rajah 5.1. Secara umumnya, jumlah pengguna yang berbahasa natif bahasa Inggeris tidak dijelaskan di sini. Gambaran yang diberikan ialah pengguna yang menggunakan bahasa Inggeris untuk mengakses internet. Kelihatan bahawa bahasa Cina sudah mulai mendapat tempat di kalangan pengguna internet. Bahasa-bahasa lain mulai berkembang seperti Sepanyol, Jepun, Jerman dan sebagainya. Oleh itu kemungkinan bahasa Melayu juga mendapat tempat tidak mustahil. Berdasarkan statistik menunjukkan bahasa Melayu dituturkan oleh 8.7 penutur dalam menggunakan talian internet dan 8.1 juta pengguna bahasa Indonesia. Bahasa Melayu juga dituturkan oleh 15% daripada 2.14 juta penduduk di Singapura. Terdapat kira-kira 14.2 juta penutur berbahasa Melayu menggunakan internet.

Kini segenap masyarakat dunia sedang mengalami suatu transformasi yang amat ketara. Keadaan ini bagaikan sebuah reformasi budaya sedunia yang mempengaruhi segenap lapisan masyarakat. Perubahan dalam kehendak dan pemikiran masyarakat amat jelas. Kita hidup dalam arus 'globalisasi' yang begitu banyak digembar-gemburkan oleh dunia Barat. Pengertian globalisasi yang pada asalnya diarahkan kepada keterbukaan dalam aktiviti ekonomi sedunia kini telah mula merangkumi keterbukaan dan perubahan dalam aspek politik, sosial dan pemikiran di negara-negara seluruh dunia. Perubahan-perubahan mendadak dalam cara hidup segenap lapisan masyarakat dunia dikatakan sebagai merupakan natijah daripada globalisasi. Mahu tidak mahu, tidak kira sama ada kesan yang timbul akibat daripada perubahan ini positif atau negatif,

kita secara langsung dan tidak langsung terdedah kepada kesan-kesan globalisasi. Hari ini, walau di mana kita berada, kita tidak akan dapat mengelakkan diri daripada bahang globalisasi yang datang daripada pergerakan bebas manusia, produk, pemikiran, dan cara hidup dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Kajian tentang kaitan bahasa dan ekonomi telah dijalankan oleh Albert Breton dari Kanada. Hal ini berkaitan dengan pendekatan yang melihat bahasa sebagai unsur kapital manusia. Bahasa merupakan unsur penting dalam komunikasi. Tanpa bahasa komunikasi akan menjadi sukar dan ilmu juga tidak dapat berkembang. Bahasa juga merupakan alat untuk kita berfikir dan mempunyai unsur-unsur yang dapat dinilai, diubah, diperbaiki, diganti dan disesuaikan dengan bahasa lain atau unsur-unsur lain. Antara komponen pengetahuan dalam kapital manusia ialah bahasa ibunda dan juga bahasa-bahasa lain. Oleh itu dalam era globalisasi, mempelajari lebih daripada satu bahasa merupakan sumber pelaburan – yuran pengajian, kamus, kaset serta buku-buku rujukan dan sebagainya merupakan bentuk kapital manusia. Bahasa ibunda merupakan agen utama dalam sosialisasi primer bagi seorang kanak-kanak dengan bantuan ahli keluarga. Bahasa ini dikatakan kapital yang diwarisi oleh manusia. Selepas menguasai bahasa ibunda, baharulah kanak-kanak akan mempelajari bahasa keduanya, sama ada bahasa Inggeris, Cina, Tamil, Arab dan lain-lain. Terdapat juga dalam situasi tertentu lebih daripada satu bahasa *lingua franca* boleh wujud apabila masyarakat memilih untuk menggunakan. Bahasa Inggeris menjadi bahasa global dan boleh dikatakan *lingua franca* dalam konteks ini. Bahasa Inggeris boleh wujud seiring dengan bahasa Melayu di rantau ini. Persoalan pokoknya ialah kemahuan masyarakat penutur itu sendiri. Apa yang berlaku hari ini ialah masyarakat dimomokkan dengan istilah globalisasi dan keagungan bahasa Inggeris, hinggakan kita tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perdagangan; hanya senang dengan nostalgia bahawa bahasa Melayu pernah menjadi bahasa *lingua franca* tetapi kini tidak lagi.

Statistik terkini memang menunjukkan bahawa bahasa Inggeris mendominasi bahasa dalam halaman web tetapi ada dapatan menunjukkan bahasa Cina mulai mendapat perhatian. Malah Cina melancarkan rangkaian kartunnya ke luar negara dan Viacom pula melancarkan stesen TV kanak-kanak Nickleodeon di China. Berbeza dengan perkembangan bahasa Cina, globalisasi memberikan impak terhadap bahasa-bahasa di India dari segi status dan pilihan bahasa yang menentukan pola, struktur dan fungsi dan perkembangan bahasa itu sendiri. Bahasa-bahasa di India terpaksa berjuang untuk memastikan mendapat pengiktirafan oleh pemerintah. Dasar Pendidikan Nasional yang diluluskan oleh Kongres India pada tahun 1920 menjadikan bahasa-bahasa di India sebagai bahasa pengantar tetapi bahasa Inggeris kekal menjadi bahasa rasmi, pendidikan bahasa Inggeris terus berkembang. Apabila merdeka, tidak terdapat satu pun dokumen yang mengisytiharkan 'dasar bahasa' India. Hal ini menimbulkan

banyak masalah dalam pentadbiran negara dan terdapat beberapa akta yang memberikan ruang untuk memberikan status kepada beberapa bahasa yang terpilih dalam bahasa terjadual, bahasa rasmi, bahasa wilayah, bahasa oriental, bahasa klasik, bahasa minor, bahasa minoriti dan bahasa tribal. Banyak penutur dalam wilayah dan daerah di India mula bergerak ke arah penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya akibat globalisasi dan kemungkinan ada bahasa yang akan mati dalam proses tersebut. Malaysia masih lagi berpeluang untuk memperbaiki keadaan. Globalisasi tidak seharusnya dilihat faktor utama untuk mengubah dasar bahasa negara tetapi kita seharusnya mempertahankan bahasa Melayu dan memperkembangkan lagi penggunaan bahasa Melayu agar kembali menjadi bahasa *lingua franca* sekurang-kurangnya di rantau ini.

Globalisasi juga menerjah masuk ke dalam bahasa Jerman. Christian Meier mengatakan kemasukan yang begitu banyak kata-kata Inggeris ke dalam perbendaharaan kata bahasa Jerman merupakan unsur penting pengaruh globalisasi yang dinamakan sebagai "*anglizisimes*". Beliau mendapati juga kebanyakan syarikat, sama ada yang bergerak di peringkat antarabangsa atau kebangsaan di Jerman, sudah mulai meninggalkan slogan dalam bahasa Jerman sebaliknya berpindah ke bahasa Inggeris. Apabila kemasukan produk baharu, maka pengaruh dan kaedah baharu juga diperkenalkan melalui bahasa, sama ada dalam bahasa ibunda atau bahasa Inggeris. Ini merupakan proses biasa yang berlaku dalam mana-mana bahasa. Bahasa yang hidup perlu menerima perubahan bagi menjamin kesinambungan bahasa tersebut. Namun demikian, beliau melahirkan kerisauan akan tiba masanya semua bahasa di dunia akan berada pada tahap bahasa kedua pada satu ketika nanti.

Di Indonesia pula, pada tahun 1920-an, penutur bahasa Indonesia (pada ketika itu bahasa Melayu) berjumlah 2.8 juta daripada sejumlah 57 juta penduduknya. Pada tahun 1940-an meningkat sehingga 3.75 juta dan pada tahun 1990 meningkat menjadi 131 juta. Dengan kedudukannya sebagai bahasa nasional, kehadiran bahasa Indonesia diterima oleh seluruh warga suku bangsa dengan tangan terbuka. Dalam hal ini, terbukti bahawa bahasa Indonesia mampu menjadi wahana pemersatu berbagai-bagai suku bangsa yang memiliki latar sosial, budaya dan agama yang berbeza-beza menjadi satu bangsa, iaitu bangsa Indonesia. Globalisasi memasuki alam Indonesia hingga menyebabkan berlakunya globalisasi kebudayaan yang pastinya melibatkan bahasa. Bahasa sebagai unsur budaya memainkan peranan penting memenuhi wahana keperluan ekonomi di samping keperluan lain. Sebagai sebuah negara yang berkembang dan memiliki sumber daya alam dan budaya yang besar, Indonesia menjadi negara tumpuan bangsa asing dan berhubungan dengan Indonesia. Walaupun telah ada wadah bahasa Inggeris untuk komunikasi antarabangsa, namun ramai antara warga asing yang mendambakan diri untuk bertutur dalam bahasa Indonesia dalam melaksanakan kerjasamanya. Jelas sekali bahawa bahasa Melayu juga mampu menjadi sedemikian utuh seperti bahasa Indonesia walaupun globalisasi menerjah masuk. Untuk menghadapi persiapan itu,

bahasa Indonesia berani melakukan usaha untuk memperkaya kosa kata agar dapat menampung konsep moden setepat mungkin. Ardika (2001) berpandangan inilah peluang yang amat baik untuk mengukuhkan bahasa Indonesia kerana bahasa Indonesia akan menjadi jendela bagi orang asing untuk melihat keanekaragaman budaya Indonesia melalui penguasaan bahasa Indonesia dalam mengekspresikan kebudayaan Indonesia. Malaysia seharusnya mengambil iktibar ini dalam memperkukuhkan bahasa Melayu. Tidak semua globalisasi itu memerlukan bahasa Inggeris, malah peluang yang diambil oleh Indonesia dalam bidang budaya mempamerkan kesempatan yang ada digunakan dengan bijaksana.

Kita menyedari hakikat bahawa abad ke-21 ialah abad globalisasi, yakni kemajuan sains dan teknologi serta kemajuan teknologi maklumat yang cepat pacuannya hinggalah bahasa Melayu terasa terpinggir dalam perlumbaan tersebut. Tambahan pula faktor sejarah memudahkan kita memberikan alasan untuk menggunakan bahasa Inggeris kerana kita dijajah oleh Inggeris, berbeza dengan Indonesia yang dijajah oleh Belanda. Dalam konteks Malaysia, bahasa antarabangsa ialah bahasa Inggeris. Kepentingan bahasa Inggeris akibat globalisasi tidak seharusnya menutup hakikat bahawa bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur yang besar di negara ini. Bahasa Inggeris ialah bahasa menimba ilmu tetapi bukan bahasa ibunda. Bahasa Inggeris perlu dipelajari kerana fungsinya tetapi bukan untuk mengambil alih status bahasa Melayu yang sedia termaktub dalam perlembagaan. Semua negara yang berdaulat mempunyai bahasa mereka tersendiri walaupun Singapura mungkin berbeza dengan mewujudkan empat bahasa rasminya, iaitu Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil.

Di Malaysia, bahasa Melayu ialah perhubungan antara rakyat dan mencerminkan jati diri. Daya kreativiti bahasa Melayu dalam sastera masih lagi dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu seharusnya menjadi penggerak tamadun bangsa Malaysia. Kedinamikan bahasa Melayu dapat dilihat dalam penciptaan istilah dan kebolehlenturan bahasa Melayu menyerap unsur asing untuk mengungkap konsep asing harus digunakan sebaik mungkin. Kemasukan unsur asing dikawal melalui peraturan yang ditetapkan oleh pembuat dasar dan badan pelaksana (Dewan Bahasa dan Pustaka). Inilah yang harus disemaikan di kalangan generasi hari ini agar tidak keliru dengan gelombang globalisasi hinggalah terlupa peranan bahasa Melayu dalam mencorakkan pemikiran dan pembudayaan masyarakat Malaysia yang seharusnya mengekalkan ciri-ciri kesantunan, kehalusan, keindahan, dan keperibadian ciri-ciri Melayu.



SEMAK KENDIRI 5.3

- (a) Bincangkan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.
- (b) Huraikan sejauh manakah globalisasi mempengaruhi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia.

RUMUSAN

- Kedwibahasaan berlaku dalam kalangan masyarakat yang menggunakan banyak bahasa. Kedwibahasaan atau bilingualisme ialah penguasaan dua bahasa seperti penutur bahasa asli.
- Kedwibahasaan yang sempurna ialah penguasaan sepenuhnya dua bahasa oleh penutur. Kedwibahasaan sepenuhnya jarang berlaku kerana jarang sekali terdapat seseorang individu yang dapat menguasai lebih dari satu bahasa dengan baik.
- Kedwibahasaan lahir dalam masyarakat majmuk yang pelbagai budaya, etnik, agama, bangsa, kaum dan lain-lain.
- Kedwibahasaan wujud di negara-negara yang menjadikan dialek sebagai bahasa rasmi seperti di Perancis. Keadaan dwibahasa yang memperlihatkan penutur mengamalkan dialek masing-masing dalam kehidupan seharian tetapi menggunakan dialek utama yang telah dijadikan bahasa rasmi.
- Kedwibahasaan berlaku akibat bahasa tempatan dijadikan bahasa rasmi tetapi bahasa lain digunakan sebagai bahasa penyatuan. Misalnya di Rusia, bahasa Rusia dijadikan bahasa penyatuan tetapi rakyat tempatan boleh menggunakan bahasa tempatan sebagai bahasa rasmi seperti bahasa Ukraine dan Estonia.
- Kesan yang paling ketara akibat kedwibahasaan ini ialah berlakunya penukaran kod atau pertukaran code yang dikenali sebagai code switching.
- Kesan yang selanjutnya ialah percampuran kod atau code mixing. Ini berlaku apabila seseorang menukarkan kod apabila berbicara secara berganti-ganti untuk satu tajuk yang sama dalam ujaran mereka.
- Pemindahan bahasa juga berlaku akibat kedwibahasaan. Ini berlaku apabila terdapat penggunaan unsur-unsur bahasa pertama dalam bahasa kedua.
- Dasar bahasa pendidikan ialah dasar yang dipegang dalam menggunakan bahasa sebagai bahasa pengantar di sekolah. Dasar bahasa am ialah dasar

yang secara tidak rasmi diterima oleh kerajaan mengenai penggunaan bahasa dalam perdagangan, perhubungan rakyat dan dalam hubungan dengan orang-orang luar, badan-badan atau negara-negara luar (Asmah,1985:23).

- Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan menyediakan ruang yang cukup luas untuk bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa ilmu.
- Persidangan Antarabangsa UNESCO ke-31 pada Oktober 2001 telah mengisytiharkan satu deklarasasi prinsip pembelajaran bahasa ibunda yang harus dipatuhi oleh anggota-anggotanya.
- Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara Malaysia telah dipertahankan dan diperkembang berdasarkan pelbagai akta dan laporan semula bermula dengan Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran (1961), Akta Bahasa Kebangsaan (1963), Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran (1979), dan Akta Pendidikan (1996).
- Teknologi Maklumat (*Information Technology*) atau IT dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*) atau ICT merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Ruang lingkup tajuknya sangat luas, iaitu berkenaan segala aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat.
- Strategi yang perlu dirancang ialah memperkukuhkan kekuatan bahasa secara dalaman yang telah terbina sekian lama. Masyarakat pengguna bahasa Melayu perlu bersikap terbuka dan bersedia menerima cabaran perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi yang dipengaruhi oleh bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris.
- Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi melahirkan unsur baru yang dikenali dengan bahasa rojak. Bahasa rojak merupakan semakin berkembang luas dalam kalangan pengguna bahasa.
- Keupayaan bahasa Melayu bertahan dalam era siber banyak bergantung kepada keupayaan masyarakat penutur bahasa Melayu itu sendiri menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Sikap masyarakat terhadap bahasa Melayu telah menyebabkan kesukaran untuk meletakkan bahasa Melayu di persada antarabangsa.
- Istilah 'globalisasi' ialah satu istilah yang terlalu umum dan merangkumi berbagai-bagai perkara termasuk kesan-kesan ekonomi, budaya, teknologi, dan maklumat yang kini sudah mampu disebar ke seluruh pelusuk dunia dengan begitu cepat. Kata globalisasi diambil dari kata global, yang bermakna universal.

- Setengah-setengah orang mengatakan bahawa globalisasi sinonim dengan perniagaan global tetapi sebenarnya istilah ini memberikan makna yang lebih daripada konsep perdagangan semata-mata.
- Polisi terkini globalisasi tertumpu pula kepada neo-liberalisme, satu ideologi untuk menggalakkan kebebasan perdagangan, pasaran, hak pilihan individu, dan pengurangan peraturan pemerintah (Steger:2002).
- Antara komponen pengetahuan dalam kapital manusia ialah bahasa ibunda dan juga bahasa-bahasa lain. Oleh itu dalam era globalisasi mempelajari lebih daripada satu bahasa merupakan sumber pelaburan – yuran pengajian, kamus, kaset, buku-buku rujukan dan sebagainya merupakan bentuk kapital manusia. Bahasa ibunda merupakan agen utama dalam sosialisasi primer bagi seorang kanak-kanak dengan bantuan ahli keluarga.

KATA KUNCI

Bahasa kebangsaan	Falsafah pendidikan negara
Bahasa pengantar	Internet
Bahasa rasmi	Globalisasi
Bahasa rojak	Kedwibahasaan
Bilingualisme	Multilingual
Dasar bahasa	Perancangan korpus
Dasar pendidikan negara	Teknologi maklumat dan komunikasi
Dunia siber	



RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1985). *Bahasa Malaysia saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- B. Mallikarjun Globalization and Indian languages. *Language in India*, Vol.3: 2 Februari 2003.

- Gede Artika , Pengajaran Bahasa Indonesia bagi penutur asing : Peluang dan harapan kertas kerja dalam Konferensi Internasional pengajaran Bahasa Indonesia bagi penutur asing (KIPBIPA) IV, 1-3 Oktober 2001 Denpasar, Bali.
- Globalization [http:// www.germanenglishwords.com](http://www.germanenglishwords.com) dipetik pada 12 Januari 2007
- Hartmann, R.R.K, Stork, F.C. (1976). Dictionary of language and linguistics: London, Applied Science Publisher.
- National Geographic Vol.196(2) dipetik dari (<http://uppikdasar.tripod.com>)
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). Bahasa dan globalisasi: Cabaran terhadap perancangan Bahasa Melayu. dlm. *MELAYU Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jil.2 Bil.2 Disember 2004.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. Perancangan Bahasa Melayu: Menjelang Ambang 50 Tahun Merdeka dlm. *Jurnal Melayu Antarabangsa*, 2006. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). Terminologi dalam perancangan Bahasa Melayu. Puchong, Selangor: Scholar Press Sdn. Bhd.
- Rangila,R.S., Thirumalai, M.S., & Malikarjun,B. (2001). Bringing order to linguistic diversity: Language planning in the British Raj. *Language in India* Vol.1: 6.
- Steger Manfred B. (2002). Globalism: The New Market Ideology. Maryland: Rowman & Littlefield Publishers Inc.
- Teknologi <http://ms.wikipedia.org/wiki/Teknologi> pada 12 Januari 2007
- Teknologi maklumat <http://global-reach.biz/globstats/index.php3> dipetik pada 12 Januari 2007
- Thomas Friedman. (1999). The lexis and the olive tree: Understanding Globalization. http://www.usembassyjakarta.org/press_rel/friedman.html
- UNESCO 2003 Education in a Multilingual World Position. Paris : UNESCO
- <http://www.pch.gc.ca/offlangoff/perpectives/english/economic/index.html> 1#2
- <http://www.globalization.about.com/library/weekly/aa040401a.htm>
- www.germanenglishwords.com